



NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	DSA EXHIBITION AND CONFERENCE		
PUBLICATION:	BHARIAN.COM.MY	SECTION:	NASIONAL
DATE:	THURSDAY, 28 MARCH 2018	PAGE NO.:	1 OF 2
HEADLINE::	RM4 BILION NILAI KONTRAK, MOU DITANDATANGANI		
URL:	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/03/546258/rm4-bilion-nilai-kontrak-mou-ditandatangani		

Khamis, 28 March 2019 - 1:03PM



BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA HUJUNG MINGGU BHPLUS

LOG MASUK SEMUA SEKSYEN

BERITA » Nasional
Khamis, 28 March 2019 | 12:29pm

Cari Kata Kunci



Menteri Pertahanan Mohamad Sabu Menteri Pertahanan Mohamad Sabu berucap pada majlis pelancaran Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) dan Pameran Antarabangsa Keselamatan Kebangsaan (NATSEC) Asia 2020 di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) hari ini. - Foto BERNAMA

RM4 bilion nilai kontrak, MoU ditandatangani

Oleh M Hizuzzdin Ihsan; Hazwan Faizal Mohamed dan Hamzah Osman
bhnews@bh.com.my



LANGKAWI: Lebih RM4 bilion nilai kontrak, Memorandum Persefahaman (MoU), Surat Niat (LOI), Surat Setuju Terima (LOA) antara kerajaan dan syarikat berkaitan pertahanan ditandatangani pada Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2019 (LIMA'19) di sini, hari ini.

Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu, berkata kebanyakan kontrak terbabit adalah bagi menguruskan aset sedia ada milik Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terutama bagi kerja penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) pesawat dan kapal.

Katanya, kerja penyelenggaraan terbabit perlu dilakukan bagi memastikan keselamatan dan kesiagaan pertahanan negara berada pada tahap optimum.

"Kekangan kewangan kerajaan tidak menghalang kita melakukan kerja MRO ke atas aset sedia yang tempoh perkhidmatannya akan diteruskan mengikut keperluan ATM.

NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	<u>DSA EXHIBITION AND CONFERENCE</u>		
PUBLICATION:	<u>BHARIAN.COM.MY</u>	SECTION:	<u>NASIONAL</u>
DATE:	<u>THURSDAY, 28 MARCH 2018</u>	PAGE NO.:	<u>2 OF 2</u>
HEADLINE::	<u>RM4 BILION NILAI KONTRAK, MOU DITANDATANGANI</u>		
URL:	<u>https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/03/546258/rm4-billion-nilai-kontrak-mou-ditandatangani</u>		



Menteri Pertahanan Mohamad Sabu ketika gimik pelancaran Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) dan Pameran Antarabangsa Keselamatan Kebangsaan (NATSEC) Asia 2020 di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) hari ini. - Foto BERNAMA

"Pada masa sama, kita turut mempertimbangkan pembelian aset strategik baru dengan mengambil kira teknologi semasa dan ancaman keselamatan bukan tradisional," katanya pada sidang media selepas menyaksikan Majlis Menandatangani MoU dan Kontrak LIMA'19.

Antara syarikat yang menandatangani kontrak dan MoU adalah Airod, Boustead Naval Shipyard, Airbus Military, Rosebank Engineering, TAE Gas Turbine, Advances Air Traffic System dan Kongsberg Defence & Aerospace.

Mohamad berkata, kerajaan tidak menetapkan jangka hayat aset ketenteraan milik negara dengan aset seperti pesawat dan kapal akan digunakan mengikut kesesuaian.

"Kita tidak tetapkan sebarang had (jangka hayat), tetapi kerajaan akan ikut pandangan dan nasihat pakar ATM mengenainya."

"Setiap perolehan akan ada had dan apabila sampai masa kita akan lupsakannya," katanya.